

## Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia Determination of Quality Dimensions of Arabic Teachers in Malaysia

AL MUSLIM MUSTAPA  
ZAMRI ARIFIN

### ABSTRAK

*Pendidikan bahasa Arab di Malaysia telah dianggap sebagai tidak berjaya. Oleh itu, guru bahasa Arab sebagai faktor utama kejayaan sistem pendidikan sekolah perlu ditransformasi melalui penyediaan, pembinaan dan penilaian kualiti guru. Hanna dan Gimbert (2011) mencadangkan tiga inisiatif utama penilaian kualiti guru yang dimulai dengan mengenalpasti dimensi-dimensi dalam kualiti guru. Lantaran daripada itu, kajian ini menetapkan dua objektif kajian, iaitu meneliti dimensi kualiti guru di kalangan sarjana, dan mengamati dimensi terbaik untuk pengukuran kualiti guru bahasa Arab. Dua objektif ini dicapai menerusi kajian kualitatif deskriptif melalui tinjauan literatur pandangan dan kajian sarjana yang lepas. Pendekatan tematik digunakan dalam proses penyaringan dan analisis data dengan bantuan perisian Atlas.ti versi 7.1. Hasil kajian mendapati kepelbagaian dimensi kualiti guru telah digunakan dalam kajian-kajian lepas, iaitu kelayakan guru, karakter guru, amalan dalam kelas dan keberkesanan pengajaran. Kajian juga telah mengenalpasti satu rangka cadangan dimensi pengukuran kualiti guru bahasa Arab, selain turut mencadangkan sebuah kajian lain untuk melengkapkan rangka cadangan dimensi tersebut serta beberapa aspek yang perlu dititikberatkan.*

*Kata kunci: Kualiti guru; kelayakan guru; karakter guru; amalan guru dan keberkesanan pengajaran*

### ABSTRACT

*Arabic language education in Malaysia is regarded unsuccessful. As such, Arabic language teachers being the key determinant of success in the school educational system need to be transformed the preparation, development and evaluation of teacher quality. Hanna and Gimbert (2011) three main initiatives in the evaluation of teacher quality, starting from the identification of dimensions in teacher quality. Thus, this study specifies two research objectives, i.e. to study the dimensions of teacher quality as proposed by scholars, and to study the best dimensions for measuring the quality of Arabic teachers. These two objectives are investigated through qualitative descriptive method, specifically through a literature review of scholarly views and previous studies. A thematic approach using Atlas.ti software version 7.1 was employed in filtering and analyzing data. Findings indicate that previous studies have used a diverse range of dimensions, which are teacher qualification, teacher character, classroom practices and effectiveness of teaching. This study proposes are framework of dimensions for measuring the quality of Arabic teachers. It also proposes another study to complete the proposed framework of dimensions, and to study other aspects that need to be given serious consideration.*

*Keywords: Teacher quality; teacher qualification; teacher character; classroom practices and effectiveness of teaching*

### PENDAHULUAN

Profesion perguruan merupakan tugas mulia. Bagi umat Islam, profesion ini ialah kesinambungan daripada tugas para Nabi dan Rasul. Justeru, guru mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kaca mata seluruh masyarakat. Hari ini, peredaran masa membawa profesion perguruan ke tahap yang lebih mencabar. Seiring dengan kemajuan dan kehendak semasa, guru berdepan dengan pelbagai tuntutan. Mereka bukan lagi bertanggungjawab terhadap pelajarannya, bahkan mereka memainkan peranan

dominan dalam merealisasikan inspirasi agama, bangsa dan negara yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara. Seluruh negara bergantung kepada keberkesanan seorang guru menjalankan tanggungjawab.

Hal yang sama kepada guru yang mengajar bahasa Arab kepada anak bangsa Malaysia. Mereka memikul tanggungjawab besar dalam medan tersendiri seiring dengan cabaran pendidikan bahasa Arab semasa (Mohamadul Bakir 2007). Cabaran terbesar mereka ialah mengembalikan pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaannya dalam sistem pendidikan

negara dan budaya masyarakat majoriti Malaysia. Ini kerana pendidikan bahasa Arab selama ini telah disimpulkan sebagai tidak berjaya (Ishak 1992). Perihal kedudukan istimewa bahasa Arab dalam arus pendidikan negara dan situasi terkini pendidikan bahasa Arab, menambah beban tanggungjawab yang perlu dilunaskan oleh semua guru bahasa Arab. Kejayaan menongkah cabaran dan memikul amanah besar ini terletak pada kompetensi dan kualiti guru bahasa Arab yang sedia ada sekarang ini. Namun, persoalan utama yang mendesak di sebalik cabaran tersebut ialah: adakah tenaga pengajar bahasa Arab yang disediakan memenuhi kriteria pengajar bahasa yang baik dan berkualiti? (Azman & Goh 2010). Pada masa yang sama, terdapat persoalan asas yang perlu dituntas terlebih dahulu, iaitu: apakah kriteria guru bahasa Arab yang baik dan berkualiti? Persoalan ini lebih fundamental kerana hasilnya akan mencorakkan persoalan lain mahupun tindakan seterusnya.

Dalam konteks pembelajaran seorang pelajar, faktor guru yang berkualiti memainkan peranan penting. Walaupun terdapat faktor-faktor lain seperti latar belakang pendidikan dan demografi pelajar, status ekonomi dan sosial yang mempengaruhi pencapaian seorang pelajar, faktor kualiti guru lebih dominan dan signifikan. Bahkan kualiti guru lebih bernilai terhadap pencapaian pelajar berbanding dengan pelaburan lain dalam penambahbaikan sistem pendidikan seperti pengurangan bilangan pelajar dalam kelas dengan menambah kelas baru, kenaikan gaji guru dan segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pendidikan (Andrews 2012; Croninger et al. 2007; Goe 2007; Lovat & Toomey 2009). Oleh itu, sekiranya suatu transformasi pendidikan bahasa Arab hendak dimulakan di Malaysia, fokus utamanya ialah membina dan menyediakan guru yang berkualiti sekaligus mampu mendepani cabaran pendidikan semasa. Keutamaan dalam polisi transformasi ini perlu disusun berasaskan persetujuan umum dalam kalangan sarjana bahwa kualiti guru ialah faktor yang paling berkesan dalam kejayaan pelajar (Anon 2010) sebagaimana ungkapan, “*There would be no good education without good teacher quality*” (Lin et al. 2010).

Selain peranan pihak berkuasa dan institut latihan guru, para pengkaji pendidikan juga boleh menyumbang ke arah merealisasikan fokus pembinaan dan penyediaan guru yang berkualiti. Oleh itu, Hanna & Gimbert (2011) mencadangkan tiga inisiatif utama sebagai fokus kajian pendidikan yang dilaksanakan secara berperingkat, iaitu;

1. Mengetahui pasti dimensi-dimensi dalam kualiti guru.
2. Membina instrumen yang berkemampuan mewakili dimensi-dimensi tersebut.
3. Membina dan menguji model kualiti guru yang meliputi kepelbagaian dimensi pengajaran dan pembelajaran.

Sejajar dengan cadangan Hanna dan Gimbert (2011) dan sebagai permulaan transformasi pendidikan bahasa Arab di Malaysia, kajian ini memberi tumpuan kepada inisiatif pertama Hanna & Gimbert (2011). Untuk itu, dua objektif kajian telah ditetapkan, iaitu meneliti dimensi kualiti guru di kalangan sarjana, dan mengamati mengenalpasti dimensi terbaik untuk pengukuran kualiti guru bahasa Arab. Objektif kertas ini dicapai melalui tinjauan literatur pandangan dan kajian sarjana berkaitan kualiti guru, kemudian disintesis untuk mengenal pasti dimensi-dimensi cadangan kualiti guru bahasa Arab. Hasilnya, satu rangka cadangan dimensi pengukuran kualiti guru bahasa Arab dikemukakan pada akhir kertas kerja ini.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. Sumber utama kajian ialah kajian-kajian lepas. Data-data diekstrak dan dianalisis daripada sumber kajian melalui pendekatan tematik. Proses pengekstrakan dilakukan menerusi bantuan perisian *Atlas.ti* versi 7.1. Proses ini disempurnakan dengan fungsi *auto-coding* perisian dan menggunakan tema *teacher quality* sebagai kata kunci pencarian. Hasilnya, terdapat 150 petikan yang diperolehi dalam tema *teacher quality*. Kemudian, saringan dan analisis data dilaksanakan secara manual dengan mengambil kira pendekatan dan dimensi yang digunakan dalam memahami konsep kualiti guru serta cadangan dan kritikan dalam kalangan sarjana. Hasil analisis kemudiannya disusun berdasarkan keperluan objektif kajian yang telah ditetapkan.

## ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

### DIMENSI KUALITI GURU

Peranan guru dalam kejayaan pendidikan telah disepakati sejak lama lagi. Faktor guru yang berkualiti dikenal pasti berada di hadapan faktor-faktor yang lain terutama dalam konteks *School-Based Factor* (pembelajaran di sekolah). Oleh itu, konsep dan

pemahaman kualiti guru telah dibincangkan sejak tahun 1970-an lagi dan masih diperkatakan hingga ke hari ini (Blanton et al. 2006). Walaupun begitu, sudut definisi dan pengukuran kualiti guru masih tidak jelas dan hangat dibincangkan.

Kesamaran definisi kualiti guru tidak bererti tiada petunjuk tertentu yang digunakan sebagai proksi guru yang berkualiti. Bahkan banyak kajian pengukuran kualiti telah dilakukan berasaskan kriteria tertentu (Goe & Stickler 2008). Namun, kualiti guru masih dianggap tidak jelas kerana tiada kesepakatan para sarjana mengenai pengertian dan dimensi yang mewakili konsep kualiti guru (Blanton et al. 2006; Burnett & Meacham 2002; Fuller et al. 2010; Goe 2007). Atau, menurut Cavalluzzo (2004) tiada kesepakatan tentang kelakuan yang menyumbang kepada pengajaran yang berkualiti.

Menurut Goe (2007), secara kesimpulannya terdapat 4 asas yang diperselisihkan sebagai sudut memahami dan seterusnya mengukur kualiti guru: (1) kelayakan (2) karakter (3) amalan dalam kelas, dan (4) keberkesanan. Asas-asas ini secara individu mempunyai merit dan kelemahan tersendiri.

#### KELAYAKAN GURU

Kelayakan guru merangkumi petunjuk dan pemboleh ubah seperti tahap pendidikan guru, sijil yang dimiliki, pengalaman mengajar, ujian kelayakan mengajar dan *credential*. Secara tradisinya, petunjuk-petunjuk ini telah lama diguna dan dianggap sebagai simbol guru yang berkualiti walaupun tanpa dikaitkan dengan prestasi pelajar (Fuller et al. 2010). Berbeza dengan model proses-produk, kelayakan guru seringkali digambarkan sebahagian daripada input. Dalam kalangan pembuat dasar, definisi guru berkualiti dengan maksud berkelayakan penuh lebih mudah diterima berbanding dengan definisi pengkaji-pengkaji dalam bidang perguruan. Penerimaan ini disebabkan pihak pembuat dasar memerlukan maklumat dan pengukuran yang cepat dan tepat sekaligus memudahkan komunikasi dengan publik (Blanton et al. 2006). Justeru, dilihat pihak berkuasa berusaha menyediakan guru yang berkelayakan tinggi untuk ditempatkan di sekolah-sekolah dengan mewujudkan sistem pendidikan khas untuk guru, senarai persijilan pendidikan dan mutakhir pembentukan akta dan standard guru seperti Standard Guru Malaysia 2011.

Pada masa yang sama, Andrews (2012) mempersoalkan adakah kelayakan seperti yang ditetapkan akta *No Child Left Behind* (NCLB) – sebagai contoh – akan membawa kepada kemajuan

pelajar? Terutama apabila melibatkan guru baru. Adakah guru tersebut dianggap berkelayakan tinggi sebelum melihat prestasi pelajar pada akhir tahun nanti? Bagi beliau, memenuhi standard dan melepasi ujian kelayakan tidak menjamin kualiti guru. Dari sudut itu, Goe (2007) menyatakan kekurangan terbesar dimensi ini ialah kebarangkalian guru yang berkelayakan tinggi tetapi menunjukkan prestasi buruk dalam suasana kelas yang sebenar. Tambahan lagi, petunjuk-petunjuk ini terlalu umum dan tiada penentuan khusus mengenai ciri, item atau proses yang manakah menyumbang dan memberi kesan secara langsung kepada pengajaran yang baik atau kejayaan pelajar (Croninger et al. 2007). Secara keseluruhannya, pemboleh ubah tradisional ini tidak menggambarkan perubahan kemajuan pelajar secara signifikan berbanding dengan pemboleh ubah lain (Buddin & Zamorro 2009; Gallagher 2004; Isaacs et al. 2012).

Walaupun demikian, terdapat kajian yang menunjukkan kelayakan tertentu mempunyai kaitan rapat dan konsisten dengan kemajuan pelajar. Contohnya, kajian-kajian terhadap pelajar subjek matematik. Kelayakan ijazah dalam bidang matematik dan sijil berkaitan didapati mempunyai hubungan yang konsisten dengan pencapaian pelajar dalam subjek matematik (Goe 2007). Andrews (2012) juga menyatakan kajian masa kini membuktikan tahap kepakaran guru mempengaruhi dengan signifikan kemajuan pelajar.

Mengambil kira kajian yang bercanggah, berkemungkinan besar kelayakan tertentu berkesan terhadap subjek tertentu berbanding subjek lain atau pada tempoh yang tertentu. Contohnya, pengalaman yang penting tetapi hanya dalam tahun-tahun pertama mengajar sahaja (Goe 2007). Keadaan ini menuntut lebih banyak kajian berkaitan dalam skala yang lebih besar.

#### KARAKTER GURU

Menurut Goe dan Stickler (2008), kualiti guru juga seringkali difahami sebagai karakter guru secara tunggal. Oleh itu, karakter jarang diukur bersama pencapaian pelajar. Istilah karakter atau ciri guru umumnya meliputi kelakuan, gaya, kepercayaan, ciri kekal semulajadi seperti jantina, etnik dan bangsa serta kebolehan tertentu seperti bertutur dalam bahasa sasaran. Ringkasnya, karakter ialah apa yang dibawa oleh guru dalam dirinya ke dalam kelas. Kelemahan pengukuran kualiti guru dengan karakter ialah kesukaran bagi pihak guru mahupun sekolah, bahkan hampir mustahil untuk sesetengah

karakter diubah dan diselaraskan dengan hasil atau cadangan kajian, terutama apabila melibatkan sifat semulajadi sepenuhnya atau separuh usaha. Dalam beberapa keadaan, karakter guru juga sukar untuk diukur (Lavy 2011).

Bukti-bukti secara empirikal setakat ini masih gagal mengenal pasti karakter guru secara spesifik yang boleh dikaitkan dengan pencapaian yang tinggi (Buddin & Zamorro 2009; Smith & Gorard 2007). Namun pada sudut sebaliknya, pengkaji seperti Croninger et al. (2007) menyatakan terdapat bukti bahawa karakter guru boleh mencerminkan pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca. Hal ini disokong oleh kajian Ehrenberg et al. (1995) yang mendapati guru mungkin membuat penilaian yang berbeza berdasarkan jantina. Namun kajian yang sama menunjukkan karakter guru seperti jantina, bangsa dan etnik tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar.

Sepanjang masa pelbagai kajian telah dilakukan, namun tiada pernyataan yang jelas mengenai karakter guru yang mempunyai impak terhadap pencapaian pelajar. Hal ini disebabkan setengah pengkaji menemui kaitan yang signifikan untuk beberapa pemboleh ubah, manakala setengah yang lain menemui sebaliknya. Menurut Lee (2010) pula, terdapat persetujuan mengenai beberapa ciri karakter guru umum yang sesuai untuk subjek yang pelbagai. Namun karakter guru khas untuk disiplin tertentu tiada kata sepakat. Oleh kerana itu, Goe (2007) berpendapat lebih banyak kajian dalam skop ini perlu dilakukan agar lebih banyak keterangan boleh dituntaskan.

#### AMALAN DALAM KELAS

Satu daripada dimensi kualiti guru yang banyak dikemukakan dalam kajian ialah amalan dalam kelas. Amalan dalam kelas merujuk kepada kelakuan dan tingkah laku pengajaran. Kebiasaannya, kajian yang terlibat dengan kefahaman ini menggunakan pemerhatian atau laporan sendiri sebagai instrumen kajian. Standard guru merupakan ukuran kualiti yang kerap diambil kira dalam penentuan amalan guru. Ini berasaskan objektif pembangunan standard itu sendiri ialah mencerap amalan, pengetahuan dan kemampuan guru untuk menyediakan peluang belajar yang berkualiti. Amerika Syarikat secara khususnya telah memperkenalkan standardnya sendiri untuk menyediakan guru yang berkemampuan tinggi. *The National Board for Professional Teaching Standards* (NBPTS) dibentuk pada tahun 1987 merupakan satu-satunya sistem pengukuran kualiti guru yang mendapat tempat dalam banyak kajian mengenai

kebolehpercayaan kandungan (Ingvarson & Rowe 2007). Malaysia juga telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia dan telah digunakan secara meluas melalui penilaian sendiri.

Menurut Darling-Hammond (2009), masalah pengukuran kualiti guru masa kini ialah pengukuran kerap kali tidak dikaitkan dengan kebolehan mengajar. Pihak berkuasa khususnya banyak bergantung kepada laporan pengetua, rekod kursus yang diambil atau keputusan ujian kemahiran dan pengetahuan am berkenaan subjek. Semua petunjuk ini amat lemah untuk menggambarkan keberkesanan dan prestasi dalam kelas. Pada belia, di sebalik kepentingan pengetahuan guru, kemahiran dan lain-lain, semuanya bergantung kepada cara pengendalian guru dalam kelas (Darling-Hammond 2012).

Namun, keberkesanannya terhadap pencapaian pelajar turut dipertikaikan. Walaupun kebanyakan kajian dalam skop ini menunjukkan kaitan yang positif di antara amalan guru dalam kelas dengan pencapaian pelajar, namun hasil kajian secara umumnya tidak signifikan dari sudut statistik mahupun praktikal. Bahkan sebilangan kajian boleh dipersoalkan mengenai reka bentuk kajian, data atau instrumen yang berkemungkinan tidak selaras dengan objektif kajian. Ringkasnya, terdapat kekurangan dari sudut kekuatan hasil kajian dan kebolehpercayaan (Goe 2007).

#### KEBERKESANAN PENGAJARAN

Keberkesanan dianggap sebagai komponen atau hasil usaha guru yang berkualiti. Guru yang berkualiti ialah guru yang memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Dewasa ini, penggunaan keputusan peperiksaan sebagai indikator kualiti guru sering dilakukan. Tambahan lagi, penggunaan output pelajar khususnya pencapaian peperiksaan sebagai ukuran kepada kualiti guru mendapat sokongan dan kepercayaan kuat daripada pengkaji pendidikan dan pihak berkuasa sendiri. Kecenderungan ini disebabkan ujian berseragam di sekolah-sekolah khasnya telah dilaksanakan dengan meluas. Begitu juga, ruang untuk mendapatkan skor pencapaian pelajar dalam ujian tersebut yang cukup mudah menjadi sebab dan tarikan pengkaji dan kerajaan untuk menggunakannya dalam kajian kualiti guru (Blanton et al. 2006).


Model nilai-tambah merupakan satu daripada model pengukuran yang masyhur dalam kalangan pengkaji dan seringkali digunapakai sebagai penilaian, pemilihan dan penentuan guru yang berkualiti. Model ini direka khas untuk mengenal pasti sumbangan atau kesan guru tertentu terhadap

skor keputusan peperiksaan pelajarnya sepanjang masa yang spesifik. Berasaskan objektif ini, ia telah digunakan oleh kajian kualiti guru untuk mengenal pasti keberkesanan guru kepada pencapaian pelajar. Walaupun begitu, isu kekurangan pendekatan parametrik dan ketidakpastian karakter khusus guru yang mempengaruhi skor pelajar dalam model nilai-tambah ini mencetuskan banyak persoalan, terutama aspek dalam penilaian dan polisi kerajaan (Hanushek & Rivkin 2010).

Menurut Goe (2007), terdapat tiga isu yang mencatatkan dimensi kualiti guru dengan hanya melihat kadar pencapaian pelajar:

1. Ujian pencapaian berseragam dibentuk bertujuan mengukur sejauh mana pencapaian pelajar. Ujian pelajar bukan direka untuk menilai kualiti guru.
2. Terdapat kesukaran untuk menentukan yang manakah atau sejauh mana pencapaian tersebut hasil daripada kesan faktor guru atau kesan faktor kelas.
3. Adalah sukar untuk memperoleh data yang mengaitkan pelajar tertentu dengan guru tertentu pada waktu masa yang tertentu.

Beliau juga mempersoalkan praktikaliti dimensi kualiti guru yang hanya ditentukan dengan keberkesanan. Bagaimanakah pihak yang bertanggungjawab menentu siapakah yang layak mengajar buat pertama kalinya, ketika belum pernah pelajarnya ditaksirkan.



RAJAH 1. Perbezaan empat (4) asas dimensi kualiti guru  
 SUMBER: al-Muslim Mustafa adaptasi daripada Goe (2007)

KEPELBAGAIAN DIMENSI

Kajian kualiti guru telah banyak dilakukan. Oleh kerana tiada kesepakatan dalam kalangan pengkaji mengenai dimensi kualiti guru, lalu kajian-kajian tersebut dilaksanakan dalam pelbagai objektif, reka bentuk kajian dan pengukuran. Setiap pihak sama ada ahli politik, ahli falsafah, pihak berkuasa, pihak pentadbiran sekolah, pelajar, pengkaji bahkan guru sendiri mempunyai gambaran tertentu mengenai konsep kualiti guru (Burnett & Meacham 2002). Perbezaan ini terjadi kerana beberapa sebab. Antaranya ialah seperti pemahaman terhadap konsep kualiti guru antara guru yang baik atau guru yang berkesan. Fenstermacher dan Richardson (2005) pertama kali menyingkap maksud yang terkandung di sebalik tema kualiti guru di antara *Good Teaching* (pengajaran yang baik) atau *Affective Teaching* (pengajaran yang berkesan). Kualiti guru dengan makna pengajaran yang baik hanya tertumpu kepada proses (dan input). Manakala pengajaran yang berjaya atau berkesan mengambil kira perubahan pada golongan sasaran, terutama pelajar. Pada masa yang sama, terdapat pengkaji yang berpandangan kualiti guru mengandungi kedua-dua entiti tersebut (Blanton et al. 2006).

Pengukuran yang rencam juga terjadi kerana faktor objektif yang berbeza. Pihak pembuat dasar selalunya inginkan data yang cepat dan tepat dengan sasaran serta mudah untuk berkomunikasi dengan publik. Justeru, mereka lebih cenderung memilih aspek kelayakan dan hasil keputusan yang mudah diukur dan menepati kehendak mereka. Bahkan terdapat kajian memiliki kecenderungan yang sama supaya hasil kajian lebih tekal dan *straight to the point*. Hal dapat dilihat melalui penggunaan model nilai-tambah yang meluas untuk penentuan tahap kualiti guru. Objektif ini mungkin berbeza dengan sebahagian pengkaji yang lain. Mereka lebih berminat memahami konsep kualiti guru dengan lebih mendalam menerusi dimensi-dimensi yang dilihat berkaitan.

Menurut Burnett dan Meacham (2002) pula, kepelbagaian definisi dan dimensi pengukuran selain daripada faktor tujuan kajian, ia juga dipengaruhi oleh perbezaan sumber data, penafsiran data yang pelbagai dan sampel yang dipilih. Pada masa yang sama, bidang dalam profesion perguruan rencam dan pelbagai terutama dari sudut objektif dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi 2010). Bidang yang memupuk kemahiran seperti bahasa Arab tentunya memerlukan guru dengan pendekatan dan teknik tertentu, selain mempunyai

kemahiran berbahasa. Hal ini berbeza dengan subjek yang menekankan fakta-fakta seperti sejarah dan ekonomi.

Justeru, kesimpulan boleh dibuat bahawa ketidaksepakatan dan kesamaran bukanlah kerana kajian berkenaan kualiti guru lemah dan tidak mencapai tahap kajian dalam bidang yang lain. Tetapi sifat keluasan semulajadi tema kualiti guru sehingga boleh ditafsirkan dan diukur dengan pelbagai aspek seterusnya menampilkan pengukuran yang berbeza. Pernyataan ini penting kerana akan menentukan bagaimanakah atau melalui apakah guru bahasa Arab yang berkualiti nanti dikenal pasti.


#### CADANGAN DIMENSI PENGUKURAN GURU BAHASA ARAB

Mutakhir ini, pengkaji cenderung ke arah melihat kepelbagaian dimensi yang terkandung dalam konsep dan definisi guru berkualiti dan kaitan antara satu sama lain. Sebagaimana saranan Hanna dan Gimbert (2011) agar penyelidik pendidikan membina model kualiti guru yang komprehensif dan holistik. Fenstermacher dan Richardson (2005) sebagai contoh, mengambil kira dua dimensi serentak, iaitu (1) pengajaran yang baik. Dimensi ini melibatkan jangkaan terhadap profesion perguruan yang perlu dipenuhi seperti mempunyai sijil, pengetahuan yang cukup dalam bidang dan persiapan seumpamanya, (2) pengajaran yang berkesan. Ini bermakna hasil campur tangan guru dalam pembelajaran dan pembelajaran pelajar turut diambil kira. Dengan nada yang sama Blanton et al. (2006) berpendapat, kajian-kajian tradisi yang bergantung kepada pemahaman tertentu terhadap kualiti guru perlu digabungkan dalam beberapa bentuk pengukuran. Contohnya, amalan pendidikan guru dihubungkan dengan kualiti guru dan kualiti guru dengan hasil pelajar. Mengaitkan kualiti guru dengan pencapaian pelajar khususnya, akan menarik penerimaan banyak pihak khususnya pembuat dasar.

Beberapa pengkaji lain juga menyuarakan saranan yang sama. Mereka menekankan kepentingan dan keperluan menjalankan kajian yang mengambil kira semua petunjuk dan pemboleh ubah yang dikaitkan dengan kualiti guru (Wayne & Youngs 2003; Wichadee 2010). Cadangan ini logik dan praktikal lebih-lebih lagi banyak pemboleh ubah yang mewakili guru berkualiti didapati mempunyai kolerasi yang tinggi antara satu sama lain. Sebagai contoh, tahap pendidikan guru lazimnya berkait dengan umur, pengalaman dan kemampuan

akademik. Persijilan pula kerap berkolerasi dengan pengetahuan berkenaan subjek, latihan pendidikan dan pengalaman (Darling-Hammond & Youngs 2002). Goe (2007) juga menyokong penggabungan dimensi ini berdasarkan kajiannya yang menampilkan kelebihan dan kekurangan setiap mekanisme penentuan dan pengukuran kualiti guru. Melihat konsep kualiti guru melalui pelbagai dimensi akan mengurangkan kelemahan dan kecacatan penilaian apabila hanya satu-satu dimensi sahaja diambil kira.

Oleh itu, kajian ini dengan mengambil kira saranan-saranan sarjana seperti mana di atas, mencadangkan dimensi untuk pengukuran guru bahasa Arab di Malaysia juga melibatkan penglibatan beberapa dimensi secara serentak. Dimensi tersebut ialah dimensi kelayakan guru, dimensi karakter guru, dimensi amalan guru dan dimensi *output* pelajar. Pengukuran kualiti guru bahasa Arab hendaklah melibatkan keempat dimensi ini secara bersama.



RAJAH 2. Kerangka umum empat (4) dimensi pengukuran guru bahasa Arab empat dimensi  
SUMBER: al-Muslim Mustafa adaptasi daripada Goe 2007

Rajah 2 ini hanya merupakan panduan umum mengenai aspek yang perlu dilibatkan dalam kajian dan pengukuran kualiti guru bahasa Arab di Malaysia. Bagi menentukan item-item yang mewakili setiap dimensi, satu kajian lapangan lain perlu dilaksanakan. Kumpulan-kumpulan berkaitan guru bahasa Arab seperti pengetua, rakan sekerja, pembuat dasar, institut latihan guru dan pelajar adalah sasaran kajian ini. Suara mereka penting dalam menentukan item-item setiap dimensi pada peringkat awal. Kefahaman mereka mengenai setiap dimensi juga dapat diperolehi. Contohnya dimensi pelajar. Adakah keputusan peperiksaan hanya mewakili *output* pelajar? Atau aspek lain seperti peningkatan keyakinan pelajar terhadap

subjek, minat dan jangkaan turut menjadi sebahagian daripada *output* pembelajaran pelajar yang berkesan. Selain itu, kajian tersebut juga penting kerana mempertimbangkan situasi pendidikan bahasa Arab tempatan selaras dengan konsep kualiti itu sendiri yang berbeza dari suatu tempat yang lain (Burnett & Meacham 2002). Kajian cerapan terhadap kumpulan-kumpulan sasaran ini memungkinkan elemen tempatan diambil kira untuk model kualiti guru bahasa Arab gaya Malaysia.

Burnett dan Meacham (2002) mencadangkan agar menimbang kefahaman kualiti guru berdasarkan perspektif pelajar berbanding apa yang pelajar capai, apa yang guru lakukan atau kelayakan guru. Hal ini perlu ditekankan kerana kebanyakan kajian berasaskan data sampingan yang diterjemahkan oleh sampel sokongan, bukannya daripada pemerhatian langsung atau persepsi sasaran utama pendidikan iaitu pelajar. Pelajar merupakan kumpulan yang terkesan secara langsung dengan guru berbanding kumpulan lain. Tambahan pula data yang didapati dari pemerhatian guru atau laporan sendiri didapati rendah kredibiliti berbanding data daripada pelajar (Anon 2010). Namun begitu, Wichadee (2010) menyarankan agar data keduanya dikumpul dan dibandingkan agar berlaku keseimbangan ketika pemilihan dibuat. Bagi pihak guru, adalah suatu yang sangat bermanfaat apabila mengetahui ciri yang dianggap oleh pelajar sebagai guru yang berkualiti tinggi.

Kajian-kajian lanjutan juga perlu untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item tersebut sebagai instrumen pengukuran sebagaimana saranan Hanna & Gimbert (2011). Menurut Hanna dan Gimbert (2011) lagi, langkah seterusnya ialah membina model pengukuran lengkap berdasarkan dimensi yang telah ditentukan serta instrumen yang berkredibiliti. Keberhasilan pelajar merupakan *output* utama sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Sebarang model atau kaedah yang diperkenalkan tanpa keberkesanannya terhadap golongan sasaran adalah sia-sia. Kemunculan teknik analisis *Structural Equation Model* (SEM) disertai dengan penciptaan pelbagai perisian termaju dan sofistikated membantu para pengkaji mengetahui kesesuaian sesebuah model atau teori dalam situasi kajian. Selain itu, Blanton et al. (2006) turut menetapkan enam kriteria yang boleh digunakan untuk menilai model pengukuran guru bahasa Arab, iaitu utiliti kredibiliti, menyeluruh, keluasan, kekukuhan dan praktikal.

## KESIMPULAN

Faktor kualiti guru telah menjadi faktor utama keberkesanan dalam sistem pembelajaran di sekolah. Oleh itu, mengetahui dimensi yang terkandung dalam kualiti guru adalah fundamental. Kajian-kajian lepas menunjukkan tiada kata sepakat dalam kalangan sarjana mengenai dimensi tertentu yang mewakili konsep kualiti guru. Percanggahan dimensi-dimensi ini menyukarkan proses pengukuran dan penilaian guru bahasa Arab yang berkualiti. Sebagai jalan keluar, cadangan agar dimensi-dimensi tersebut digabung jalin dalam satu kerangka pengukuran ditampilkan. Sebagai pelengkap, satu kajian lain dicadangkan melibatkan beberapa kelompok sasaran dengan tujuan memperincikan lagi dimensi yang dicadangkan. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan kerangka dimensi pengukuran bahasa Arab ciri-ciri tempatan dan spesifik agar sebuah modul yang sesuai dengan konteks Malaysia dapat diketengahkan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini memuatkan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh *Exploratory Research Grant Scheme* (ERGS), kod projek: ERGS/1/2013/SS109/UKM/02/1, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

- Andrews, S. L. 2012. Impact of teacher qualification on student achievement at the elementary and middle school levels. Tesis Doktor Falsafah, Walden University.
- Anon. 2010. A Quality Teacher in Every Classroom. Stanford: National Board Resource Center. <http://www.cato.org/publications/commentary/quality-teacher-every-classroom>.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Cabaran-cabaran dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan di IPT: Kajian kes. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 9-21.
- Blanton, L. P., Sindelar, P. T. & Correa, V. I. 2006. Models and measures of beginning teacher quality. *The Journal of Special Education* 40(2): 115-127. doi:10.1177/00224669060400020201.
- Buddin, R. & Zamarro, G. 2009. Teacher qualifications and student achievement in urban elementary schools. *Journal of Urban Economics* 66(2): 103-115. doi:10.1016/j.jue.2009.05.001.

- Burnett, P. C. & Meacham, D. 2002. Measuring the quality of teaching in elementary school classrooms. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 30(2): 141-153. doi:10.1080/13598660220135658.
- Cavalluzzo, L. 2004. Is National Board Certification an Effective Signal of Teacher Quality? Virginia: The CNA Corporation. [http://www.nbpts.org/UserFiles/File/Final\\_Study\\_11204\\_D\\_-\\_Cavalluzzo\\_-\\_CNA\\_Corp.pdf](http://www.nbpts.org/UserFiles/File/Final_Study_11204_D_-_Cavalluzzo_-_CNA_Corp.pdf).
- Croninger, R. G., Rice, J. K., Rathbun, A. & Nishio, M. 2007. Teacher qualifications and early learning: Effects of certification, degree and experience on first-grade student achievement. *Economics of Education Review* 26(3): 312-324. doi:10.1016/j.econedurev.2005.05.008.
- Darling-Hammond, L. 2009. Evaluating Teacher Effectiveness. [http://www.edgeworksusa.com/blueprint/files/goe\\_blueprintforum\\_pres.pdf](http://www.edgeworksusa.com/blueprint/files/goe_blueprintforum_pres.pdf).
- Darling-Hammond, L. 2012. Creating a Comprehensive System for Evaluating and Supporting Effective Teaching. Stanford. <http://edpolicy.stanford.edu/sites/default/files/publications/creating-comprehensive-system-evaluating-and-supporting-effective-teaching.pdf>.
- Darling-Hammond, L. & Youngs, P. 2002. Defining "highly qualified teachers": what does "scientifically-based research" actually tell us? *Educational Researcher* 31(9): 13-25. doi:10.3102/0013189X031009013.
- Ehrenberg, R. G., Goldhaber, D. D. & Brewer, D. J. 1995. Do teachers' race, gender and ethnicity matter? Evidence from the national educational longitudinal study of 1988. *Industrial and Labor Relations Review* 48(3): 547-561.
- Fenstermacher, G. & Richardson, V. 2005. On making determinations of quality in teaching. *Teachers College Record* 107(1): 186-213. doi:10.1111/j.1467-9620.2005.00462.x.
- Fuller, E., Young, M. & Baker, B. D. 2010. Do principal preparation programs influence student achievement through the building of teacher-team qualifications by the principal? An exploratory analysis. *Educational Administration Quarterly* 47(1): 173-216. doi:10.1177/0011000010378613.
- Gallagher, H. A. 2004. Vaughn elementary's innovative teacher evaluation system: are teacher evaluation scores related to growth in student achievement? *Peabody Journal of Education* 79(4): 79-107. [http://www.tandfonline.com/doi/full/10.1207/s15327930pje7904\\_5](http://www.tandfonline.com/doi/full/10.1207/s15327930pje7904_5).
- Goe, L. 2007. The Link Between Teacher Quality and Student Outcomes: A Research Synthesis hlm.1-72. Washington DC: National Comprehensive Center for Teacher Quality. <http://secc.sedl.org/orc/resources/LinkBetweenTQandStudentOutcomes.pdf>.
- Goe, L. & Stickler, L. M. 2008. Teacher Quality and Student Achievement: Making The Most of Recent Research. TQ Research & Policy Brief. National Comprehensive Center for Teacher Quality.
- Hanna, P. & Gimbert, B. 2011. Falling Flat: Certification as an Insufficient Indicator of Teacher Quality. *Journal of the National Association for Alternative Certification* 6(2). <http://www.jnaac.com/index.php/test/article/view/58>.
- Hanushek, E. A. & Rivkin, S. G. 2010. Generalizations about Using Value-Added Measures of Teacher Quality. *American Economic Review* 100(2): 267-271. doi:10.1257/aer.100.2.267.
- Ingvarson, L. & Rowe, K. 2007. Conceptualising and Evaluating Teacher Quality: Substantive and Methodological Issues. Vol. 52: 5-35. doi:http://dx.doi.org/10.1016/j.apmr.2010.02.005.
- Isaacs, M. L., Elliott, E. M., McConney, A., Wachholz, P., Greene, P. & Greene, M. 2012. Evaluating "Quality" Methods of Filling the "Teacher Gap": Results of a Pilot Study with Early Career Teachers. *Journal of the National Association for Alternative Certification* 2(2): 5-22. <http://www.jnaac.com/index.php/test/article/view/49>.
- Ishak Rejab. 1992. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Ismail Ab. Rahman (pnyt.). *Pendidikan Islam Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lavy, V. 2011. What Makes an Effective Teacher? Quasi-Experimental Evidence. <http://www.nber.org/papers/w16885>.
- Lee, J. J. 2010. The Uniqueness of EFL Teachers: Perceptions of Japanese Learners. *TESOL Journal* 1(1): 23-48. doi:10.5054/tj.2010.214881.
- Lin, R., Xie, J., Jeng, Y.-C. & Huang, S. 2010. The Relationship between Teacher Quality and Teaching Effectiveness Perceived by Students from Industrial Vocational High Schools. *Asian Journal of Arts and Sciences* 1(2): 167-187. <http://203.72.2.115/Ejournal/AM01010202.pdf>.
- Lovat, T. & Toomey, R. 2009. Values Education and Quality Teaching. Values Education and Quality Teaching. Springer. <http://www.springerlink.com/index/N258J34R4171V573.pdf>.
- Mohamadul Bakir Yaakub. 2007. Teaching Arabic as a Second Language: An Evaluation of Key Word Method Effectiveness. *Jurnal Teknologi* 46(E)(Jun): 61-71. <http://www.penerbit.utm.my/onlinejournal/46/E/JT46EJUN4.pdf>.
- Smith, E. & Gorard, S. 2007. Improving Teacher Quality: Lessons From America's No Child Left Behind. *Cambridge Journal of Education* 37(2): 191-206. doi:10.1080/03057640701372426.
- Wayne, A. J. & Youngs, P. 2003. Teacher Characteristics and Student Achievement Gains: A Review.



Review of *Educational Research* 73(1): 89-122.  
doi:10.3102/00346543073001089.

Wichadee, S. 2010. Characteristics of Effective English Language Teachers: The Perspectives of Bangkok University Students. *BU Academic Review*, (Jan-June). [http://www.bu.ac.th/knowledgecenter/epaper/jan\\_june2010/pdf/Page\\_01.pdf](http://www.bu.ac.th/knowledgecenter/epaper/jan_june2010/pdf/Page_01.pdf).

Al Muslim Mustapa  
Unit Bahasa Arab  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
almuslim@ukm.edu.my

Zamri Arifin  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
abuzaim@ukm.edu.my